

Kertas Bil. 24/2015



**MAKLUM BALAS PENYATA YANG TELAH
DIBENTANGKAN SEMASA MESUARAT
KETIGA PENGGAL KEDUA
DEWAN NEGERI SELANGOR
YANG KETIGA BELAS
PADA 24 - 28 NOVEMBER DAN
1 - 5 DISEMBER 2014**

**MAKLUM BALAS PENYATA JAWATANKUASA PILIHAN MENGENAI
PIHAK BERKUASA TEMPATAN (JP-PBT) BAGI DEWAN NEGERI
SELANGOR - SUSULAN DARIPADA LAWATAN KE MAJLIS
PERBANDARAN KAJANG (MPKJ)
KERTAS BILANGAN 46/2014**

Bil	Tajuk Penyata	Saranan	Jawapan MMKN		Ulasan MMKN (jika ada) / Tindakan yang telah dilaksanakan
			Setuju	Tidak Setuju	
11.	PENYATA JAWATANKUASA PILIHAN PIHAK BERKUASA TEMPATAN (JP-PBT) BAGI DEWAN NEGERI SELANGOR SUSULAN DARIPADA LAWATAN KE MAJLIS PERBANDARAN KAJANG (MPK)	<p>1. MASALAH KUTIPAN DAN PELUPUSAN SAMPAH</p> <p>a) Masalah pengutipan dan pelupusan sampah perlu ditangani segera kerana ianya melibatkan imej dan manifestasi kecekapan Kerajaan Negeri di dalam menguruskan hal-hal yang melibatkan rakyat Selangor secara langsung. Oleh yang demikian, JP-PBT menyarankan supaya Kerajaan Negeri mengambil langkah-langkah tersebut:</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Kerajaan Negeri diminta untuk mencari sebidang tanah yang sesuai berhampiran dengan kawasan MPKj atau yang berada di dalam kawasan MPKj bagi tujuan pelupusan sampai-sampah domestik/bukan domestik sebagai 'stop gap measure'. Namun demikian, JP-PBT juga menyeru Kerajaan Negeri supaya memetakan sebuah perancangan jangka masa panjang yang lebih efektif berkenaan sistem pengurusan sampah di negeri Selangor. ii. Kerajaan Negeri melalui EXCO yang terlibat dan PBT itu sendiri perlu berbanding bahu untuk segera bertindak apabila masalah seperti ini berlaku. Kerajaan Negeri terutamanya tidak boleh mengelak daripada isu ini dan membiarkannya diuruskan oleh PBT sendiri. Sistem pengurusan sampah yang efisyen dapat meningkatkan kualiti hidup rakyat di negeri Selangor kerana longgokan sampah-sampah yang tidak dikutip dan dilupuskan menggalakkan pemberian nyamuk aedes dan menyebabkan penularan penyakit demam denggi. Selain itu, pengurusan sampah yang efisyen menjadi satu manifestasi kepada sebuah kerajaan yang cekap dan mengambil peduli tentang keperluan rakyat dan alam sekitar. iii. PBT perlu bertanggungjawab untuk mengutip dan menguruskan sampah pukal, sampah kebun, sisu industri atau mana-mana sampah bukan domestik dan bukannya membawa masalah ini diuruskan sendiri oleh para penduduk dengan kontraktor yang terlibat kerana kos melibatkan pengutipan dan pembuangan sampah pukal adalah agak tinggi. Hal ini biasanya akan menyebabkan sampah dibuang di banu-bahu jalan atau Kawasan yang tidak sepatutnya kerana para penduduk enggan untuk membayar kos yang tinggi bagi perkhidmatan tersebut. 			<p>Kerajaan Negeri melalui Mesyuarat Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri ke 14/2014 pada 23hb. April 2014 telah bersetuju pemilik/ pemohon (Worldwide Holding Berhad) membangunkan tapak tersebut bagi tujuan pelupusan sampah yang terletak di kawasan Rezab Hutan Hulu Semenyih seluas 50 ekar dengan syarat-syarat teknikal yang perlu dipatuhi. Berdasarkan keputusan tersebut, pihak Majlis telah menyenaraikan kawasan tersebut dalam Rancangan Tempatan Majlis Perbandaran Kajang (Pengubahan 3) 2020 untuk pindaan zoning daripada Rizab Hutan kepada tapak pelupusan sampah yang dalam proses penyediaan. (Sesalinan Draf Rancangan Tempatan MPKj (Pengubahan 3) 2020 di Lampiran A).</p> <p>Secara dasarnya, pihak Majlis sememangnya memandang serius berkaitan masalah sisa pukal dan kebun di keseluruhan kawasan pentadbiran MPKj. Pihak Majlis juga secara puratanya telah membersihkan 41,000 tan sisa pukal setahun. Walau bagaimanapun masalah sisa pukal ini sukar diatasi dan memerlukan kos perbelanjaan yang banyak bagi menguruskan keseluruhan sisa pepejal yang dijana oleh penduduk.</p>

Bil	Tajuk Penyata	Saranan	Jawapan MMKN		Ulasan MMKN (jika ada) / Tindakan yang telah dilaksanakan
			Setuju	Tidak Setuju	
11.	PENYATA JAWATANKUASA PILIHAN PIHAK BERKUASA TEMPATAN (JP- PBT) BAGI DEWAN NEGERI SELANGOR SUSULAN DARIPADA LAWATAN KE MAJLIS PERBANDARAN KAJANG (MPKJ)	<p>iv. PBT juga perlu membuat kempen mendidik para penduduk tentang cara pembuangan sampah pukal yang betul secara agresif. Langkah-langkah yang boleh diambil oleh PBT untuk memastikan kempen ini berjaya adalah dengan cara mengiklankan kempen ini di belakang bil-bil yang dikeluarkan oleh pihak PBT dan juga memasang papan-papan iklan di lokasi strategik.</p> <p>2. ISU BERKENAAN 'VIREMENT' ATAU PEMINDAHAN PERUNTUKAN YANG DILAKUKAN OLEH PIHAK MPKJ</p> <p>(a) Walaupun Seksyen 58 Akta Kerajaan Tempatan (Akta 171) tidak memperuntukkan pihak PBT untuk membentangkan pemindahan peruntukan di hadapan mesyuarat penuh Ahli Majlis, JP-PBT merasakan bahawa 'virement' perlu dibentangkan sekiranya jumlah yang hendak dipindahkan besar. JP-PBT menyarankan supaya Kerajaan Negeri dapat mengeluarkan satu garis panduan di mana sekiranya proses 'virement' tersebut melibatkan jumlah yang dirasakan besar, iaanya perlulah dibentangkan di hadapan mesyuarat penuh Ahli Majlis selaras dengan konsep kerajaan yang telus, amanah dan bertanggungjawab.</p> <p>(b) Selain itu, dokumen berkenaan bajet atau penyata kewangan merupakan satu dokumen polisi penting. Sebarang perubahan yang ingin dilakukan mungkin akan menjelaskan kepentingan orang awam dan atas alasan-alasan tersebut, JP-PBT merasakan pembentangan di hadapan mesyuarat penuh Ahli Majlis adalah perlu di dalam menuju ke arah amalan terbaik 'best practice' oleh MPKJ khususnya dan PBT-PBT lain di Selangor amnya.</p> <p>(c) JP-PBT juga ingin mengambil maklum bahawa PBT yang lain seperti Majlis Perbandaran Subang Jaya (MPSJ) pernah mengamalkan prosedur membentangkan rancangan 'virement' mereka di hadapan mesyuarat penuh Ahli Majlis sebelum ianya dapat dilaksanakan.</p>			<p>Pihak MPKJ sememangnya menjalankan sesi ceramah kesedaran di sekolah-sekolah menengah dan rendah setiap minggu bagi membantu kempen kesedaran penduduk di kalangan rakyat.</p> <p>Mesyuarat Jawatankuasa Kewangan MPKJ Bil. 3/2014 pada 18 Jun 2014 telah bersetuju pindah peruntukan perbelanjaan (virement) dibentang dan dilaporkan untuk makluman mesyuarat. Merujuk Pekeliling Perbendaharaan Bil. 11/2008, pegawai-pejawai adalah diberi kuasa untuk membuat pindah peruntukan perbelanjaan (virement). Mesyuarat juga bersetuju pindah peruntukan perbelanjaan (virement) perlu dibuat secara pentadbiran bagi memudahkan dan mempersempatkan proses mengikuti keperluan.</p> <p>Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Kewangan MPKJ Bil 3/2014 telah disahkan dalam Mesyuarat Majlis MPKJ Bil 4/2014 pada 30 Jun 2014.</p>

Bil	Tajuk Penyata	Saranan	Jawapan MMKN		Ulasan MMKN (jika ada) / Tindakan yang telah dilaksanakan
			Setuju	Tidak Setuju	
11.	PENYATA JAWATANKUASA PILIHAN PIHAK BERKUASA TEMPATAN (JP-PBT) BAGI DEWAN NEGERI SELANGOR SUSULAN DARIPADA LAWATAN KE MAJLIS PERBANDARAN KAJANG (MPK)	<p>3. MASALAH BERKENAAN PENGURUSAN PASAR MALAM DI KAWASAN MPK</p> <p>(a) JP-PBT menyeru supaya Kerajaan Negeri melalui MMKN berkenaan dan juga PBT yang terlibat iaitu MPKJ dapat menilai semula masalah pengurusan pasar malam. JP-PBT berpendapat bahawa pengurusan pasar malam perlu diberi semula kepada pengajar-pengajar atas sebab-sebab berikut:</p> <p>(i) Para pengajar mempunyai insentif dari segi kewangan untuk menarik para peniaga untuk berniaga di pasar-malam; dan</p> <p>(ii) Pengurusan pasar malam terutamanya berkenaan susunan petak, pemilihan peniaga dan kawalan lalu lintas agak membebankan pihak PBT.</p> <p>(b) Namun demikian, satu garis panduan yang komprehensif meliputi aspek-aspek susunan petak, pengisian peniaga, pengurusan lalu lintas dan pengurusan sampah perlu dikeluarkan. Pihak Kerajaan Negeri dan juga PBT perlu juga menubuhkan satu badan yang boleh mengambil tindakan sekiranya terdapat aduan mengenai salah laku yang dilakukan oleh para pengajar seperti mengenakan caj-caj yang tidak munasabah atau mengamalkan kronisme serta penyelewengan di dalam menentukan pengisian peniaga atau susunan petak.</p>			<p>3 (a) Maklumbalas jawapan antara permasalahan yang berlaku di tapak pasar sekiranya pengurusan pasar malam perlu diberi semula kepada pengajar-pengajar.</p> <p>1. Masalah Orang Tengah/Penyelaras/Penganjur Kutipan Bayaran yang dikenakan terhadap peniaga membebangkan peniaga. Antara kutipan yang kerap kali di ajukan oleh peniaga seperti wang bulanan dan wang tunuhan yang kadarnya membebangkan peniaga. Jumlah bayaran tidak selaras walhal peniaga telah menjelaskan bayaran lesen dan sewa tapak di PBT. Alasan penyelaras/penganjur adalah untuk kutipan tabung dana persatuan mereka.</p> <p>2. Masalah Sampah Pengurusan sampah tidak terurus dengan baik adalah faktor mengapa pengurusan pasar diuruskan oleh pihak PBT. Apabila pihak MPKJ menerima aduan daripada penduduk berhubung sampah haram, pihak penganjur/penyelaras akan melepaskan tangan berhubung isu sampah. Kontraktor yang dilantik akan mengagihkan kerja-kerja pembersihan awam kepada sub-kontraktor tidak berdaftar dan sampah-sampah tersebut tidak dibuang ke tempat pembuangan sampah yang tidak didaftarkan.</p> <p>3. Masalah Lalilintas Kebanyakannya pengajar penyelaras tidak membuat kawalan lalulintas/ trafik di semua lokasi. Penganjur/penyelaras hanya turun ke lokasi untuk membuat kutipan wang petak setiap kali pasar beroperasi selain kutipan bayaran tahunan dan bulanan. Apabila sesuatu perkara berlaku peniaga-sugi mencari pengajar/penganjur/penyelaras untuk menyeraskan masalah.</p> <p>4. Pembahagian Petak Pembahagian petak/tapak tidak sama kerana penganjur tidak menggunakan sistem undian yang adil.</p> <p>5. Bayaran Lesen tidak diuruskan oleh penganjur/</p>

Bil	Tajuk Penyata	Saranan		Jawapan MMKKN Setuju Tidak Setuju	Ulasan MMKKN (Jika ada) / Tindakan yang telah dilaksanakan
		Setuju	Tidak Setuju		
					<p>penyelaras. Sekiranya diuruskan penganjur akan mengenakan bayaran caj perkhidmatan kepada setiap peniaga.</p> <p>- Jumlah peniaga yang didaftarkan tidak sama dengan jumlah di lapangan.</p> <p>6. Peniaga Warga asing</p> <p>Penganjur membernaikan peniaga asing menggunakan lesen peniaga tempatan untuk berniaga, malah mengambil bayaran daripada peniaga asing tersebut.</p> <p>3 (b)</p> <p>1. GARIS PANDUAN UMUM</p> <p>1.1 Sebagai panduan umum, semua Pihak Berkuasa Tempatan hendaklah memastikan bahawa pasar-pasar malam/ siang/ tani/ dan bazaar yang wujud atau yang akan diwujudkan hendaklah bersih, selamat dan tidak membawa kacauganggu ini bukan sahaja dibuat dari sudut penjaja, pengunjung dan bahan jualan serta implikasi kepada penduduk berdekatan, perjalanan lalulintas dan sebagainya.</p> <p>2. GARIS PANDUAN DALAM MERANCANG DAN MEMILIH LOKASI</p> <p>2.1 Lokasi adalah elemen penting dalam menentukan sama ada satu-satu pasar malam itu boleh dibenarkan atau tidak. Sekiranya lokasinya tidak sesuai, apa jua tindakan lain yang dibuat pasti tidak dapat menyelesaikan masalah.</p> <p>2.2 Tapak yang paling sesuai ialah kawasan medan letak kereta dan tanah lapang. Disokong dengan sistem kawalan lalulintas dan susunatur gerak, kawasan ini boleh menjadi selesa dan sesuai. Pihak Berkuasa Tempatan hendaklah mengenalpasti medan letak kereta dan tanah lapang yang sesuai untuk ditempatkan aktiviti pasar/ siang/ tani dan bazaar.</p>

Bil	Tajuk Penyata	Saranan		Jawapan MMKN Setuju	Jawapan MMKN Tidak Setuju	Ujasan MMKN (jika ada) / Tindakan yang telah dilaksanakan
			dibenarkan:- a) Kawasan perumahan yang terletak berdekatan dengan kawasan industri; b) Kawasan perumahan di mana terdapat ramai penduduk "penyewa"; c) Kawasan perumahan yang terletak berdekatan dengan institusi pengajian tinggi; dan d) Berdekatan dengan kawasan perumahan kos rendah dan berjauhan daripada pasar.			2.4 Tapak-tapak berikut adalah dilarang:- a) Di atas jalanraya terutama di jalan masuk ke kawasan kediaman dan "service road". Sekiranya terdapat keses untuk pengecualian hendaklah dirujuk kepada pentadbiran Negeri untuk kelulusan; dan b) Di atas tapak yang terlalu dekat dengan rumah sehingga boleh mengganggu perjalanan penghuni-penghuni rumah.

Bil	Tajuk Penyata	Saranan		Jawapan MMKN (Jika ada) / Ulasan MMKN (Jika ada) / Tindakan yang telah dilaksanakan
		Setuju	Tidak Setuju	
				<p>d) Menyediakan anggota trafik atau RELA untuk menjaga lalulintas; dan</p> <p>e) Lokasi pasar adalah jauh dari sekolah, rumah ibadat dan jalan-jalan utama atau jalan besar.</p> <p>3. SYARAT-SYARAT PENGURUSAN PASAR MALAM, SIANG, TANI DAN BAZAAR.</p> <p>3.1 Penyelaras hendaklah terdiri daripada Persatuan Penduduk, Persatuan Penjaja/ Peniaga atau mana-mana persatuan atau badan yang berdaftar dan dibenarkan serta berpengalaman dalam menguruskan Pasar Malam/ Siang/ Tani/ Bazaar dan mempunyai Perakuan Pendaftaran Persatuan yang sah.</p> <p>3.2 Penyelaras perlu mempunyai akaun bank yang aktif serta didaftarkan atas nama persatuan dan hendaklah mengemukakan sesalinan penyata akaun bank kepada Majlis Perbandaran Kajang.</p> <p>3.4 Penyelaras perlu mengemukakan wang Cagaran Penyelaras Pasar sebanyak RM1 500.00 untuk sebuah Pasar/ Bazaar yang berada dibawah seliaan masing-masing.</p> <p>3.5 Penyelaras tidak berhak untuk mengenaan sebarang bayaran pendaftaran atau yuran keahlian kepada peniaga-peniaga Pasar/ Bazaar.</p> <p>3.6 Bagi penyelaras yang membantu menguruskan urusan memperbaharuai Lesen Penjaja Tahunan peniaga-peniaga, tidak dibenarkan sama sekali untuk mengenaan sebarang caj pengurusan atau apa-apa caj tahunan melainkan dengan persetujuan peniaga.</p> <p>3.7 Setiap penjaja pasar Malam/ Siang/ Tani/ dan Bazaar Malam diwajibkan untuk memohon Lesen Penjaja. Kadar Lesen Penjaja yang dikenakan ke atas setiap penjaja adalah RM30.00 setahun bagi tahun pertama (RM10.00 adalah bagi tujuan bayaran petil) manakala RM20.00 setahun bagi setiap peniaga bagi tahun-tahun berikutnya.</p>

Bil	Tajuk Penyata	Saranan	Jawapan MMKN		Ulasan MMKN (jika ada) / Tindakan yang telah dilaksanakan
			Setuju	Tidak Setuju	
					<p>3.8 Bayaran petak bulanan bagi Pasar Malam dan Pasar Siang adalah RM1.00 sepetak bagi satu hari operasi di kawasan yang dijalankan oleh Penyelaras yang dilantik dan RM3.00 untuk MPKj, manakala RM4.00 sepetak bagi satu hari operasi di kawasan yang diuruskan oleh MPKj sepenuhnya.</p> <p>3.9 Bayaran petak bulanan bagi Bazaar Malam pula adalah RM150.00 bagi satu petak/ kanopi bersaiz 10' X 10' atau lebih kecil. Bagi kanopi yang bersaiz lebih besar, satu kadar tambahan akan dikenakan ke atas penjaja terlibat.</p> <p>3.10 Penjualan peralatan yang mengeluarkan bunyi seperti kaset, video, VCD/ CD/ DVD serta perabot dan yang seumpamanya adalah DILARANG dan adalah menjadi tanggungjawab pihak penyelaras untuk mengawal kemasukan penjaja-penjaja ini di petak-petak pasar. Pihak Penyelaras boleh berkerjasama dengan pihak berkuala berkaitan untuk menyelesaikan masalah ini.</p> <p>3.11 Keutamaan hendaklah diberi kepada penjaja-penjaja setempat dan penjaja bukan warganegara. TIDAK DIBENARKAN sama sekali menjalankan perniagaan di tapak pasar/ bazaar.</p> <p>3.12 Penyelaras bertanggungjawab memastikan setiap penjaja di bawah anjuran masing-masing memiliki lesen Penjaja dan memperkenan Lesen Penjaja tersebut di tempat yang mudah dilihat bagi memudahkan pemantauan sepanjang menjalankan perniagaan di pasar/ bazaar.</p> <p>3.13 Waktu perniagaan yang dibenarkan bagi Bazaar Malam adalah mulai dari jam 09.00 malam hingga 03.00 pagi. Waktu operasi yang dibenarkan bagi Pasar Malam adalah bermula jam 4.30 petang hingga 10.30 malam dan Pasar Siang pula adalah dari jam 7.00 pagi hingga 12.00 tengahari. Walau bagaimanapun, waktu operasi bagi Bazaar Malam boleh dipertimbangkan mengikut kewajaran masa dan lokasi Bazaar Malam tersebut beroperasi.</p>

Bil	Tajuk Penyata	Saranan	Jawapan MMKN		Ulasan MMKN (Jika ada) / Tindakan yang telah dilaksanakan
			Setuju	Tidak Setuju	
					<p>3.14 Pihak penyelaras HENDAKLAH memastikan penaja-penaja menyediakan dan menggunakan plastik sampah dipetak masing-masing bagi mengelakkan sampah sarap dan sisa jualan daripada berterburu dan bagi memudahkan kerja-kerja pembersihan dijalankan.</p> <p>3.15 Sekiranya pihak penyelaras didapati gagal menyelia tapak pasar dengan sempurna. Pihak Berkusa Melesen BOLEH dan berhak untuk melupus atau membuat pemotongan wang Cagaran Penyelaras Pasar pada bila-bila masa dan adalah menjadi tanggungjawab penyelaras untuk memastikan wang cagaran tersebut kekal pada kadar RM1,500.00 sepanjang tempoh menjadi penyelaras pasar.</p> <p>3.16 Tindakan penguatkuasaan yang tegas seperti kompaun, denda, sita dan dakawaan di mahkamah akan dilaksanakan sekiranya garis panduan dan syarat-syarat tidak dipatuhi yang boleh menyebabkan kepada kesalahan-kesalahan berlaku secara berterusan.</p> <p>3.17 Penyelaras hendaklah memberi resit berkop atau berlogo persatuan sebagai bukti pembayaran untuk simpanan dan rujukan penjaja di masa akan datang.</p> <p>3.18 Penyelaras perlu menyertakan sesalinan Perakuan Pendaftaran Persatuan (ROA) bersama-sama surat akuan penerimaan tawaran perlantikan sebagai penyelaras yang telah lengkap ditandatangani dan hendaklah dikembalikan ke Bahagian Perlesenan untuk tujuan rekod.</p> <p>3.19 Sentiassa memelihara hubungan baik di antara MPKJ, penyelaras, penjaja dan pelanggan bagi memudahkan kerjasama dan menjamin kesejahteraan semua pihak.</p> <p>3.20 Setiap penyelaras perlu memastikan setiap peniaga atau pemegang Lesen Penjaja sentiasa berada di tapak perniagaan sewaktu menjalankan aktiviti penjajaan. Permohonan melantik nomini dan pembantu di tapak Pasar Malam/ Siang/ Tani/ dan Bazaar perlu dikemukakan kepada Jabatan Perlesenan bagi mengelakkan tindakan rampasan Lesen Penjaja dilakukan sekiranya pemegang</p>

Bil	Tajuk Penyata	Saranan		Jawapan MMKN Setuju	Ulasan MMKN (jika ada) / Tindakan yang telah dilaksanakan
			Tidak Setuju		
					<p>Lesen Peniaga tidak berada di tapak pasar/ bazaar semasa operasi dan pemantauan dijalankan.</p> <p>4 SYARAT – SYARAT TAMBAHAN</p> <p>4.4 Bayaran petak bulanan Pasar Malam/ Siang/ Tani/ dan Bazaar hendaklah dijelaskan sekurang-kurangnya sebulan sekali iaitu pada setiap minggu pertama setiap bulan. Walau bagaimanapun, bagi aktiviti pasar malam selain pasar malam yang dianjurkan oleh Pihak Berkuala Melesen, bayaran petak bulanan peniaga akan di masukkan ke dalam Lesen Peniaga bagi tempoh 6 bulan pertama dan 6 bulan kedua. Bagi aktiviti Pasar Siang/ Tani/ dan Bazaar pembaharuan lesen hendaklah dibuat pada setiap awal tahun.</p> <p>4.5 Penyelaras bertanggungjawab memastikan setiap peniaga pasar malam di bawah arjuran masing-masing memperbaharui Lesen Peniaga dan bayaran petak pada setiap bulan Januari dan Julai setiap tahun.</p> <p>4.6 Tiada tumpangan atau peniaga tanpa lesen dibenarkan masuk berniaga di dalam kawasan petak pasar.</p> <p>4.7 Penyelaras hendaklah memastikan kawalan keselamatan terhadap peniaga, pelanggan dan kawalan lalu lintas sentiasa terkawal.</p> <p>4.8 Barang jualan hendaklah dihadkan kepada barang kering sahaja seperti pakaiian, hiasan aksesori dan sebagainya. Barang basah seperti ikan, ayam dan daging hendaklah telah siap diproses sebelum dijual di tapak pasar. Bagi daging yang telah disiat kult dan digantung adalah dibenarkan.</p> <p>4.9 Penyelaras hendaklah mengasingkan zon perniagaan bagi jualan daging khinzir (dibenarkan di Pasar Siang sahaja). Zon perniagaan daging khinzir haruslah jauh daripada zon perniagaan lain dan hendaklah bertutup daripada pandangan umum demi menjaga sensitiviti peniaga lain, pengunjung dan orang awam.</p>

Bil	Tajuk Penyata	Saranan	Jawapan MMKKN		Ulasan MMKKN (jika ada) / Tindakan yang telah dilaksanakan
			Setuju	Tidak Setuju	
					<p>4.10 Harga barang hendaklah dipamerkan seperitmana diletapkan oleh Akta Kawalan Harga 1946 dan Perintah Kawalan Harga Pernandaan Oleh Penjual Runcit 1993.</p> <p>4.11 Pemantauan pasar akan dilaksanakan secara usahasama di antara MPKJ dan juga pihak penyelaras dari masa ke semasa.</p> <p>4.12 Penyelaras hendaklah memastikan tiada petak yang diperniagakan atau diserahkan tanpa kebenaran Pihak Berkuaesa Melesen.</p> <p>4.13 Penyelaras bertanggungjawab memastikan petak yang digunakan oleh peniaga-peniaga adalah berukuran diantara 8' X 4' hingga 10' X 10' bagi Pasar dan 10' X 10' bagi Bazaar mengikut kesesuaian lokasi seperti mana yang tertakluk kepada kelulusan Pihak Berkuaesa Melesen.</p> <p>4.14 Penyelaras makanan dan minuman TIDAK DIBENARKAN untuk membuka gerai (meletakkan kerusi dan meja) di kawasan tapak pasar. Hanya makanan dan minuman di dalam bungkusan sahaja dibenarkan di jual di Pasar Malam/ Siang/ Tani.</p> <p>4.15 Penyelaras hendaklah memastikan tiada sebarang peralatan perniagaan seperti payung dan meja ditinggalkan ditapak selepas waktu Pasar Malam/ Siang/ Tani/ Bazaar tamat beroperasi.</p> <p>4.16 Penyelaras dan peniaga hendaklah mematuhi Undang-Undang Kecil yang telah diperuntukkan serta arahan dan peraturan dari masa ke semasa oleh Pihak Berkuaesa Melesen.</p> <p>4.17 Peniaga yang tidak berniaga selama 4 minggu berturut-turut tanpa memaklumkan kepada Pihak Berkuaesa Melesen dan kepada pihak penyelaras dalam bentuk bersurat berhak digugurkan daipada senarai peniaga dan akan digantikan dengan peniaga lain yang berminal. Penyelaras perlu merujuk kepada Pihak Berkuaesa Melesen sebelum membuat pengesoran ke atas</p>

Bil	Tajuk Penyata	Saranan		Jawapan MMKKN Setuju	Ulasan MMKKN (jika ada) / Tindakan yang telah dilaksanakan
		Setuju	Tidak Setuju		
					<p>pertukaran peniaga di tapak pasar dan peniaga perlu mengisi boring Kemaskini Maklumat Perniagaan dan mendapat kelulusan Pihak Berkuaasa Melesen.</p> <p>4.18 Penyelaras bertanggungjawab memastikan tidak berlaku pertambahan peniaga secara tidak sah dilokasi-lokasi bawah seliaan masing-masing. Sebarang pertambahan dan pengurangan peniaga perlu dimaklumkan dan mendapat kelulusan daripada Pihak Berkuaasa Melesen terlebih dahulu.</p> <p>4.19 Tawaran dan kelulusan penganjuran akan dibatalkan atau ditarik balik sekiranya pihak penyelaras gagal menjalankan tanggungjawab atau melanggar Undang-Undang Kecil serta syarat-syarat dan garis panduan yang telah diperuntukkan oleh Pihak Berkuaasa Melesen.</p> <p>4.20 Pihak Berkuaasa Melesen dalam masa yang sama boleh pada bila-bila masa menamatkan tawaran dan lantikkan penyelaras Pasar Malam/ Siang/ Tani/ dan Bazaar Malam tanpa sebarang notis atau makluman awal.</p> <p>4.21 Pihak Berkuaasa Melesen juga boleh pada bila-bila masa menutup mana-mana Pasar Malam/ Siang/ Tani/ dan Bazaar Malam dan tidak akan menanggung rugi apa-apa kerugian yang ditanggung atau tuntutan yang dibuat oleh pihak penyelaras dan peniaga-peniaga yang terlibat.</p> <p>4.22 Penyelaras dan peniaga tidak boleh menuntut sebarang gantirugi daripada Pihak Berkuaasa Melesen susulan daripada penamatian dan penutupan Pasar Malam/ Siang/ Tani/ dan Bazaar Malam yang dilakukan oleh Pihak Berkuaasa Melesen.</p> <p>4.23 Penyelaras hendaklah menjelaskan Cagaran Penyelarasan Sampah dan memastikan peniaga-peniaga menjelaskan bayaran Lesen Peniaga dan bayaran petak bulanan pada masa yang telah diterapkan. Tunggakan dan kelewatan bayaran-bayaran tersebut oleh peniaga akan mewajibkan prestasi dan penilaian tahunan yang akan dibuat oleh Pihak Berkuaasa Melesen terhadap penyelaras.</p>

Bil	Tajuk Penyata	Saranan		Jawapan MMKKN Setuju	Ulasan MMKKN (Jika ada) / Tindakan yang telah dilaksanakan
		Setuju	Tidak Setuju		
					<p>4.24 Penyelaras hendaklah memastikan setiap penjaja berpakaian bersih dan sopan sewaktu menjalankan perniagaan di pasar.</p> <p>4.25 Sebarang penamatatan, penambahan atau pengurangan petak perniagaan perlu dimaklumkan kepada Pihak Berkusa Melesen secara bersurat dan dengan mengisi borang Kemaskini Maklumat Perniagaan. Hanya permohonan yang difikirkan wajar sahaja akan dipertimbangkan oleh Pihak Berkusa Melesen.</p> <p>4.26 Penyelaras perlu menyelenggara senarai peniaga, pelan lokasi dan lukisan petak bagi memudahkan tindakan penguatkuasaan.</p>

